



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 7 NOVEMBER 2025**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MARDI PERLUAS USAHA PENGELUARAN AYAM SAGA, TAMPUNG PERMINTAAN PASARAN, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 15	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	VET EXPANDS KOTA TINGGI FARM TO PROMOTE VENISON, NEWS, THE STAR, M/S – 5	LAIN-LAIN
3.	PLAN IN MOTION TO FACILITATE ANIMAL WELFARE, NATIONAL, THE SUN, M/S – 6	
4.	MAMPU RAIH 4 TAN CENDAWAN SEHARI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	15

## Mardi perluas usaha pengeluaran ayam saga, tampung permintaan pasaran

**ROMPIN** - Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) akan memperluas usaha pengeluaran ayam saga bagi menampung permintaan terhadap ayam kampung baka tempatan itu, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata, sejak 2021, kira-kira 1.3 juta ekor ayam saga sudah dikeluarkan dengan Mardi akan meneruskan usaha berkaitan menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) kerana potensinya yang besar.

"Antaranya kita akan agih baka ayam saga kepada penternak yang berminat selain mereka boleh membeli di ladang pembaka," katanya pada sidang media selepas mengadakan mesyuarat dan lawatan kerja di Mardi Muadzam Shah di sini pada Khamis.

Ayam saga merupakan baka hasil penyelidikan jangka panjang Mardi sejak 2008 dan dibangunkan sepenuhnya daripada sumber genetik ayam kampung tempatan tanpa sebarang pengacukan dengan baka luar negara.

Ternakan itu mempunyai sifat tahan lasak dan sesuai diternak dalam pelbagai sistem pengeluaran termasuk sistem separa intensif, lepas bebas atau integrasi di ladang sawit, getah dan buah-buahan manakala harga pasarannya antara RM15 hingga RM25 sekilogram.

Mohamad berkata, penternakan ayam saga juga akan dilaksanakan di Pulau Tioman di sini dalam masa terdekat bagi membantu nelayan menjana pendapatan ketika musim tengkujuh.

Beliau berkata, usaha itu bukan sahaja memperkukuh industri ayam kampung negara, malah menyokong agenda keterjaminan makanan melalui penggunaan sumber genetik tempatan.

Sementara itu, Mohamad berkata, kerajaan menyasarkan pengurangan import benih sebanyak 30 peratus menjelang 2040 antaranya melibatkan kelapa dan ikan bawal emas.

"Banyak benih kita import antaranya sayur-sayuran, ikan dan baka ayam, kita nak kurangkan kerana melibatkan kos mencecah bilion," katanya. - *Bernama*



**MOHAMAD**

## Vet expands Kota Tinggi farm to promote venison

By MYSARA FAUZI

metro@thestar.com.my

FROM caring for animals to managing his own deer farm, Dr Muhammad Iqmal Nurhaqim Sarudin, 27, is determined to make livestock farming more sustainable and humane.

He currently focuses on deer farming at Kampung Baru Telor, Kota Tinggi, Johor, a venture he started with his family five years ago.

His interest in animals began in childhood through aquaculture, before shifting to livestock during his tertiary education years.

"I have always enjoyed caring for animals and breeding ornamental fish from a young age.

"When I pursued veterinary studies, I often assisted local farmers with animal health and nutrition," he told *StarMetro*.

The veterinarian said he started rearing deer with his family for leisure, but the growing interest from locals encouraged them to expand their efforts.

"The response from the community opened our eyes to the potential of deer farming.

"I hope to open a small cafe near the farm, where visitors can experience the deliciousness of



Dr Muhammad Iqmal Nurhaqim (fourth from right), along with his team and other participants at a butchering course for deer and lamb conducted by trainer Azaha Lasim (third from right). — Courtesy photo

venison burgers for themselves."

He said the animals at his farm are kept in an intensive feedlot system and cared for according to standards set by the Veterinary Services Department.

"As a veterinarian, it is also my responsibility to educate farmers about the right use of antibiotics and the withdrawal period before slaughter, so there is no drug residue in the meat.

"This is part of the process in ensuring safe and healthy food for consumers," he said.

Dr Muhammad Iqmal Nurhaqim said he had also collaborated with local universities

in waste management solutions using Internet of Things (IoT) systems, in an effort to reduce odour and pollution while improving farm sustainability.

He said his farm also engaged in seasonal goat and sheep trading, particularly during the Hari Raya Aidiladha period.

"The animals are sourced locally and from Australia, which are then processed at my own slaughterhouse before being sold directly to customers," he said.

"I started a small ruminant slaughterhouse in 2023, before officially launching my business in August this year.

"This facility adopts modern mechanisation technology to ensure food safety, food security and animal welfare.

"It has been recognised as a state-level small ruminant slaughterhouse.

"We also provide services for external farmers."

He is presently exploring a collaboration with Universiti Tun Hussein Onn Malaysia to implement an IoT system for waste flushing and odour control.

"The system is still in the material selection phase.

"Once we have resolved the odour issue, I plan to set up a small cafe early next year so visitors can dine on-site.

"Venison is a lean meat that is high in protein, but still quite rare here.

"I want people to consider consuming it as a healthy alternative to other types of meat," he said.

Despite challenges such as high operational costs and limited land, he believed agriculture holds great potential for the next generation.

"Young people have fresh ideas and energy. With science and technology, we can transform farming into something sustainable, efficient and forward-looking," he said.

# Plan in motion to facilitate animal welfare

➤ Report by *theSun* prompts groups to offer action, advice and collaboration with govt to create best mechanism

■ BY KIRTINEE RAMESH  
newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** Animal rights advocates are urging the government to establish an independent Animal Welfare Board, saying the current structure under existing ministries has been ineffective in protecting animals and ensuring consistent enforcement.

As reported by *theSun* yesterday, veterinarian Dr Jawahir Abdullah has called for the creation of a dedicated ministry or Animal Welfare Department to address overlapping jurisdictions and strengthen enforcement.

Echoing concerns highlighted in the report, animal welfare groups have renewed calls for an independent board with full authority and accountability.

Malaysian Animal Welfare Association (Mawa) president Mukunnan Sugumaran said currently, animal welfare issues fall under the Agriculture and Food Security Ministry, which focuses mainly on livestock and food safety, or the Housing and Local Government Ministry, which oversees dog-catching operations.

"The proposed Animal Welfare Board should function as an autonomous body led by individuals and organisations with genuine passion and hands-on experience in animal protection, not just those with academic credentials.

"The board needs to be structured to truly meet the (requirements to ensure) animal welfare in Malaysia.

"We need a dedicated and compassionate team. Knowledge is important, but empathy and commitment are equally vital," he told *theSun*.

Mukunnan said the board should have the mandate to oversee dog-catching operations,

Mukunnan said the proposed board should have the mandate to investigate cruelty cases involving both pets and strays. — ADIB RAWI YAHYA/THESUN

investigate cruelty cases and ensure that abuse — whether involving pets or strays — is met with appropriate legal action.

Mukunnan added that the Veterinary Services Department often cites manpower shortage as a reason for limited enforcement, suggesting collaboration with NGOs as a practical solution.

"If the department is short-staffed, why not work with trained volunteers from NGOs, similar to community policing?" he said, while calling for amendments to the Animal Welfare Act 2015 to introduce stricter penalties and implement a nationwide no-kill policy for strays.

"Penalties should include a minimum jail term and mandatory community service at animal shelters," Mukunnan said.

"The same laws should apply to everyone, including those involved in animal control operations."

He said Mawa has submitted proposals to lawmakers, and urged Malaysians to take a more active role in managing stray populations through collaboration with local animal groups.

"Reporting cases alone isn't enough. Community involvement through neutering and care programmes can make a real difference.

"We must learn to coexist with all living beings, not just tolerate their presence," he said.

Persatuan Haiwan Terbiar Malaysia (SAFM) shared similar views, saying an independent Animal Welfare Board must have genuine authority to be effective.

"It should have full autonomy and be free from

political influence," said its president Kalaivanan Ravichandran, while stressing that the board should have the power to audit and review enforcement action to ensure accountability.

"Without these measures, enforcement would remain inconsistent and inadequate," he said, adding that closer collaboration with NGOs would improve transparency and community engagement.

He also said NGOs are often the first responders to abuse cases but lack legal authority to act.

"Our challenge isn't finding abuse, it's getting authorities to take action."

Kalaivanan urged the government to amend the Animal Welfare Act 2015 to allow qualified NGOs to assist in investigations.

Beyond enforcement, SAFM emphasised the need for long-term education and cultural change.

"Public education is key to changing the mindset of pet owners. We need greater awareness on sterilisation, adoption and responsible ownership," Kalaivanan said, while calling for stricter breeding regulations and affordable neutering programmes.

He said animal welfare requires a holistic approach that combines stronger laws, education and collaboration with NGOs.

"The current system isn't enough to tackle the growing cases of cruelty and neglect.

"SAFM is ready to play a bigger role, but we need the government's support. Together, we can create real change for the animals," he said.

**2030 PERAK SEJAHTERA**

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
lokman.khairi@hmetro.com.my

**Parit Buntar**

**D**i tengah-tengah sawah padi di Batu 5 di sini berdiri kilang pengeluaran cendawan tiram sejak enam tahun lalu, yang diusahakan sendiri oleh pesawah tempatan.

Ia menempatkan sekitar dua juta bongkah medium dengan pengeluaran harian mencecah tiga hingga empat tan hasil cendawan pelbagai jenis, membuatnya antara kilang terbesar di Malaysia.

Pengarah Urusan CendawanKu, Jacky Yip, 45, yang pada awalnya mengusahakan tanaman padi, berkata, keputusan terjun ke sektor cendawan dibuat selepas meneliti potensi pasaran.

Menurutnya, dia memulakan langkah dalam industri berkenaan pada 2019 dengan 500,000 bongkah medium terdiri daripada cendawan tiram putih (*Pleurotus florida*), abalone (*Pleurotus cystidiosus*) dan tiram kelabu (*Pleurotus sajor-caju*).

"Permintaan terhadap cendawan tiram sangat tinggi dan ia boleh dimakan pelbagai cara.

"Contohnya, cendawan tiram putih terkenal sebagai snek goreng kerana teksturnya yang rangup. Cendawan abalone sesuai untuk dimasak dalam hidangan seperti sup ayam, spaghetti bolognese atau

# Mampu raih 4 tan cendawan sehari

*CendawanKu miliki 2 juta bongkah hasilkan pelbagai cendawan*



PENGURUS ladang, Ena Syafiqah menunjukkan hasil cendawan tiram putih.



KILANG CendawanKu, Parit Buntar mengeluarkan sekitar tiga hingga empat tan hasil cendawan pelbagai jenis setiap hari.

mi udon untuk menambah rasa umami dan tekstur, manakala tiram kelabu pula sering menjadi ramuan wajib dalam sup, gulai serta masak tumis.

"Tambah pula, cendawan kaya dengan protein dan vitamin yang membantu mencegah kanser, selain tumbesaran bebas penggunaan racun, mendorong orang ramai menjadikan tumbuhan ini sebagai alternatif makanan sihat," katanya.

Berkongsi kelebihan tanaman itu, Jacky berkata, cendawan mempunyai jangka hayat pendek tetapi kadar pusingan jualan yang tinggi.

"Bongkah medium boleh

mengekalkan hasil pertama seawal tujuh hari dan hasilnya boleh dituai selama 80 hari dengan panjagaan rapi.

"Harga pasaran tumbuhan ini juga stabil, membuatkan pelanggan dapat membeli pada harga yang berpatutan," katanya.

Beliau berkata, operasi kilang kini berkembang ke tahap industri moden berskala besar dengan kapasiti antara 1.5 juta hingga dua juta bongkah, mampu menghasilkan sehingga tiga hingga empat tan sehari.

"Saya lihat cendawan ini memberi peluang kepada ramai usahawan kecil.

"Peniaga pisang goreng dan keropok lekor boleh

menambahkan item cendawan goreng bagi meningkatkan pendapatan mereka.

"Jadi, saya mahu kilang ini bantu mereka dapatkan bekalan segar dan stabil," katanya.

Bagaimanapun, katanya, perjalanan ke arah kejayaan itu tidak mudah kerana beliau berdepan pelbagai cabaran, antaranya serangan penyakit dan hama yang boleh menjejaskan keseluruhan hasil tanaman.

"Kalau satu bahagian kena jangkitan, penyakit boleh merebak ke seluruh kilang.

"Kami terpaksa buang semua bongkah dan mu-

lakan semula proses penghasilan. Ia sangat memerinatkan kerana membabitkan kerugian tinggi," katanya.

Bagi memastikan kawalan kualiti, Jacky menekankan amalan kebersihan dan sistem pengeluaran terawal dalam setiap proses penghasilan cendawan.

Katanya, komitmen itu membuahkan hasil apabila ladangnya dianugerahkan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) oleh Jabatan Pertanian Perak, bulan lalu.

Pensijilan itu adalah pengiktirafan kepada CendawanKu sebagai ladang yang diusahakan secara organik bagi mengeluar-

kan makanan yang selamat dan berkualiti serta menjaga keselamatan alam sekitar.

"Pensijilan ini sangat membantu pemborong dan pelanggan lebih yakin dengan hasil kami, malah urusan pemasaran ke pasaran luar negara menjadi lebih mudah.

"Selain pasaran tempatan di Perak, bekalan cendawan ini dipasarkan kepada sekitar Pulau Pinang, Kedah, Kuala Lumpur dan Singapura," katanya yang berjaya mencipta peluang pekerjaan kepada 20 pekerja tempatan.

Dia berkata, pensijilan itu membuktikan komitmen Jabatan Pertanian Perak selaku agensi peneraju agenda Keterjaminan Makanan seperti digariskan dalam pelan Perak Sejahtera 2030 cetusan idea Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Berkongsi perancangan masa hadapan, Jacky berkata, kilang CendawanKu kini membuka ruang kerjasama kepada syarikat pemprosesan makanan bagi membangunkan produk hiliran berasaskan cendawan, termasuk burger sayuran, sambal dan kerepek.

Menurutnya, mereka yang berminat untuk menjadi pemborong atau bekerjasama dalam sektor itu boleh menghubungi pihaknya di talian 012-5767199 serta Facebook CendawanKu Parit Buntar.

"Kami pengeluar utama cendawan dengan pengeluaran besar setiap hari.

"Jadi, kalau ada syarikat mahu hasilkan produk seperti 'vegan patties' atau makanan sejuk beku berasaskan cendawan, kami amat mengalu-alukan kerjasama," katanya.